

**Pemuda PAS pertikai kelemahan laporan audit
Malaysian Insider
Oct 10 , 2013**

Ketika semua pihak sibuk membincangkan kelemahan perjalanan kerajaan selepas laporan Ketua Audit Negara, Pemuda PAS membangkitkan kelemahan Laporan Ketua Audit Negara yang tidak menjelaskan kedudukan sebenar ketirisan dan kelemahan pengurusan yang ada bagi setiap penyaluran kewangan kerajaan.

Naib Ketua Pemuda PAS, Dr Raja Iskandar Al-Hiss (gambar), berkata pihaknya bimbang dengan pelbagai kerosakan, keretakan dan keruntuhan yang berlaku dalam negara ini tetapi tidak dimasukkan dalam laporan audit.

"Dewan Pemuda PAS Malaysia ingin mendapat penjelasan daripada Laporan Ketua Audit Negara berkaitan beberapa struktur bangunan yang berlaku kerosakan atau kemusnahan yang selama ini tiada tindakan susulan setelah beberapa kejadian berlaku yang dilaporkan media.

"Bagi kami ia amat penting kerana akan melibatkan nyawa dan isu keselamatan yang dilihat dikesampingkan dalam Laporan Audit yang dikeluarkan kerana ia secara tidak langsung melibatkan kecuai dan penyelewangan dalam projek yang diberikan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau turut menyenaraikan laporan media yang dikeluarkan dan antaranya ialah keretakan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2), kebocoran syiling di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Dewan Serbaguna Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pejabat Imigresen Putrajaya, Kampus Induk Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Hospital Serdang.

Kejadian lain ialah kebocoran dan keretakan di sekolah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Connaught, Sekolah Kebangsaan Sri Gunong di Gunung Keriang, Sekolah Agama Rakyat Masjid Tuan Guru dan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Berangan selain kerosakan tangki air.

Antara lain yang turut mengemparkan adalah keruntuhan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin dan yang terbaru Jambatan Kedua Pulau Pinang yang mengakibatkan kematian.

"Banyak kos pembelanjaan bagi projek mega tersebut yang memberikan kesan isu nyawa dan keselamatan pengguna selama ini.

"Kami berpendapat Laporan Ketua Audit Negara tidak memperincikan struktur bangunan dan projek yang dibangunkan untuk dinilai kembali atau disiasat akan peraturan dan panduan kerjanya.

"Ini asas utama laporan itu yang perlu mengambil kira ketirisan dan penipuan atas projek bertaraf mega ini," katanya.

Sebagai contoh, katanya, projek Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur yang menelan belanja sebanyak RM270 Juta berlaku empat kejadian yang amat memalukan.

Bagi projek Jambatan Kedua Pulau Pinang pula, kosnya adalah RM3 Bilion dan ada kes mengakibatkan kematian pada Jun 2013 lalu.

Pada Jun 2013 juga, bumbung Blok B, Kuarters Kerajaan Presint 15 di Putrajaya tercabut dan diterbangkan oleh angin semasa kejadian berlaku.

Paling memalukan, katanya, projek Hospital Serdang yang menelan belanja RM690 juta berlaku keruntuhan silingnya pada Januari 2011 dan Ogos 2012.

"Ini semua antara projek 'sakit' yang masih dipelihara oleh Laporan Audit Negara yang dilihat tidak mengambil kira isu melibatkan nyawa dan keselamatan pengguna pada masa akan datang," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Laporan Ketua Audit Negara yang disediakan tidak menunjukkan keadaan sebenar kitirisan dan kelemahan pengurusan yang ada bagi setiap penyaluran kewangan kerajaan.

"Kami cukup bimbang jika laporan itu mengeneipkan faktor penting struktur bangunan setiap projek yang dibangunkan selama ini. Kecuaian dan penipuan adalah penyumbang utama setiap projek yang dibangunkan oleh kerajaan selama ini," katanya.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang akan berdepan dengan orang ramai hari ini untuk memberi penjelasan mengenai laporan pihaknya selepas ia hangat diperkatakan.

Beliau akan bersama Ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysian (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua dalam forum bertajuk "Laporan Audit: Pendedahan atau Kesilapan".

Majlis yang akan berlangsung selama tiga jam itu akan bermula jam 2.30 petang ini di Auditorium Kompleks Media Karangraf Seksyen 15, Shah Alam. – 10 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-pertikai-kelemahan-laporan-audit>